

**AMANAT TAHUN BARU 2017**  
**OLEH YBHG. DATUK DR. GHAZALI BIN OTHMAN, PENGARAH**  
**KESIHATAN NEGERI MELAKA**

**TARIKH:**  
**25 JANUARI 2016 (RABU)**

**MASA:**  
**8.00 PAGI**

**TEMPAT:**  
**AUDITORIUM HOSPITAL MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Terima kasih diucapkan kepada Saudara/ Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri;  
Yang Dihormati Pengarah - Pengarah Hospital;

Pegawai-pegawai Kesihatan Daerah, Ketua-Ketua Jabatan Hospital  
Melaka, Pegawai-Pegawai Pergigian Daerah, Pakar-Pakar  
Perubatan, Pegawai-pegawai Perubatan;

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati;

Salam Sejahtera

Salam 1 Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang

Negeri Bandar Teknologi Hijau

Melaka Maju Fasa Ke-II

Melaka 755 Tahun

Berkat Cepat Tepat

1. Alhamdulillah, pertama sekali, marilah kita merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT ke atas Rahmat, Limpah dan Kurnia-Nya, kita semua diberi kelapangan waktu dan sihat tubuh badan untuk berkumpul disini pada pagi yang indah ini. Tidak terlewat rasanya untuk saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2017 kepada semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri.
2. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas komitmen padu, segala khidmat bakti dan sumbangan yang telah diberikan dalam merealisasikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang pada tahun 2016. Semoga tahun baru ini akan menyaksikan peningkatan yang lebih memberansangkan lagi dalam usaha murni kita untuk merealisasikan Visi Kesihatan Malaysia, iaitu “Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.”

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

3. Pada tahun 2017, KKM akan terus mengorak langkah untuk menunaikan amanat YAB Perdana Menteri Malaysia supaya menjadikannya sebagai tahun pencapaian, iaitu dalam erti kata lain, kita sebagai penjawat awam perlu “deliver”, demi kesejahteraan rakyat. Memetik kata-kata YAB Perdana Menteri, “Penyampaian bukan sahaja dari segi fizikal tetapi kita perlu mempunyai nilai kepada rakyat, memastikan bahawa segala projek, bantuan dan program yang telah dirancang sampai kepada rakyat. Bagi mencapainya, kita perlu kepada perubahan cara pemikiran, para penjawat awam perlu fokus kepada perkhidmatan usaha, latihan, penambahan nilai dan segala-galanya untuk kebajikan rakyat.”
4. Sehubungan itu, saya ingin menyeru semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka untuk bersama-sama meningkatkan komitmen dalam menjalankan tugas dan juga memperbaharui azam untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti tinggi, iaitu perkhidmatan yang selamat, berkesan, berpaksikan pelanggan, saksama, efisien dan menepati waktu atau “timely”.
5. Perkhidmatan yang kita berikan mestilah juga mempunyai ciri-ciri keprihatinan dan penyayang atau “caring”, sesuai dengan moto kita, “Kami Sedia Membantu” dan “*To Cure Sometimes, To Relieve Often, To Comfort Always*”. Anggaplah pesakit

serta keluarga mereka seperti keluarga kita sendiri. Jangan lupa dua prinsip penting di dalam penyampaian perkhidmatan yang berkesan iaitu CTI (Cepat, Tepat, Integriti) dan PCI (Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi).

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

6. Seperti yang kita semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah membentangkan Bajet 2017 pada 21hb Oktober 2016. Peruntukan sebanyak RM24.8 bilion telah diluluskan bagi Kementerian Kesihatan, iaitu peningkatan sebanyak 7.7% berbanding tahun 2016. Bagi **Belanja Mengurus**, terdapat **peningkatan** sebanyak 9.5% iaitu daripada RM21.431 bilion pada tahun 2016 kepada RM23.462 bilion pada tahun 2017 manakala bagi Belanja Pembangunan pula, terdapat **penurunan** sebanyak 16.4% daripada RM1.6 bilion pada tahun 2016 kepada RM1.338 bilion pada tahun 2017.
7. Manakala batas perbelanjaan yang telah ditetapkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka oleh Kementerian adalah sebanyak bagi tahun 2017 adalah sebanyak **RM569 juta** iaitu **peningkatan** sebanyak **12%** berbanding tahun 2016 berjumlah RM507 juta. Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka bagi tahun 2016 untuk **Belanja Mengurus** adalah **104.14%** iaitu **RM679 juta** telah

dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah **RM652 juta**. Manakala, bagi **Belanja Pembangunan** pula prestasi perbelanjaan adalah **99.77%** iaitu **RM11,399,896.87** juta telah dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah **RM11,426,572.00**.

8. Sehubungan itu, saya berharap agar kita sentiasa berhemah dalam perbelanjaan dengan menggunakan pendekatan yang kreatif dan inovatif untuk lebih efisien serta mengelakkan pembaziran. Oleh itu, setiap aktiviti atau program haruslah disusun semula mengikut keutamaan yang menyumbang kepada pencapaian *outcome*, sejajar dengan objektif RMKe-11 serta Pelan Strategik KKM. Saya juga berharap agar mutu perkhidmatan yang disediakan KKM kepada rakyat sentiasa diutamakan dan produktiviti KKM dapat dipertingkatkan supaya *sustainable* dari segi Kewangan.
  
9. Langkah-langkah penjimatan yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 akan diteruskan pada tahun ini dengan mengambil pendekatan kreatif dan inovatif melalui *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* seperti mereka bentuk semula proses kerja (proses *re-engineering*) dan *value-based management*, yang dijangka akan dapat mengoptimumkan perbelanjaan KKM.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Obesiti merupakan faktor risiko yang terlibat dalam masalah penyakit kronik seperti penyakit jantung, Diabetes Mellitus dan Hipertensi di mana boleh menjadi faktor menyebabkan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCD) tersebut. Penyakit kronik adalah penyakit yang boleh dirawat dan terkawal jika langkah-langkah pencegahan dan kawalan diambil oleh semua individu. Berdasarkan laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan & Morbiditi (NHMS) 2015 prevalens obesiti negara adalah 30.6%. Prevalens obesity di Melaka adalah 36.0% dan merupakan yang kedua tertinggi di Malaysia.
  
11. Sebagai usaha untuk meningkatkan lagi program intervensi berkaitan pengurusan berat badan supaya lebih sistematik dan berkesan, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka mengambil inisiatif dengan menganjurkan **Program Cabaran Melaka Sihat 2017** iaitu program pengurusan berat badan di kalangan warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Justeru itu, saya menyeru agar semua Ketua PTJ memberikan komitmen dan kerjasama dalam menjayakan inisiatif ini. Bagi kumpulan pertama adalah seramai 150 orang untuk mengikuti program ini yang dijadualkan bermula pada bulan Februari 2017 selama enam bulan.
  
12. Bagi Prevalens Diabetes di Malausoa di kalangan penduduk yang berusia > 18 tahun, telah meningkat daripada 15.2% pada tahun 2011 kepada 17.5% pada tahun 2015. Manakala,

Prevalens Diabetes di Melaka juga menunjukkan peningkatan sebanyak 17.1% pada tahun 2011 kepada 16.7% pada tahun 2015 iaitu bersamaan 96,000 rakyat Melaka yang berusia > 18 tahun menghidap diabetes. Berdasarkan sumber daripada National Diabetes Registry sehingga kini, di negeri Melaka jumlah pesakit yang berdaftar adalah seramai 69,638 orang manakala jumlah pesakit aktif adalah seramai 41,463 orang.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

13. Kementerian juga akan meningkatkan kadar pengesanan kes penyakit tuberculosis (Tibi) dan memastikan semua pesakit dirawat sehingga sembuh. Selaras dengan matlamat *World Health Organization* (WHO) untuk menamatkan epidemik Tibi (*TB Eradiction*) dalam '*End TB Strategy 2035*', Kementerian akan memfokuskan kepada dua aktiviti utama iaitu:
  - i. Meningkatkan pengesanan kes tibi secara aktif (ACD) melalui program saringan golongan berisiko tinggi (*high risk group screening*) dengan kaedah X-Ray dada (CxR); dan
  - ii. Memperkukuh serta mempertingkatkan pencapaian program saringan dan rawatan bagi mereka yang dijangkiti tibi (*latent TB infection / LTBI*) dalam kalangan golongan tertentu.

14. Bilangan kes TB yang didaftarkan di Melaka pada tahun 2016 sebanyak 571 kes berbanding 513 kes pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 11.3%. Peningkatan ini didorong dengan usaha pengesanan kes melalui program saringan golongan berisiko tinggi dengan menggunakan X ray dada dan meningkatkan pemeriksaan kahak AFB bagi mereka yang mempunyai gejala TB. Pesakit juga perlu dipastikan mengambil rawatan dengan sempurna sehingga sembuh.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

15. Negara juga masih berdepan dengan cabaran dalam menangani kes malaria walaupun kes malaria jangkitan tempatan menunjukkan tren penurunan yang memberansangkan, namun ianya perlu ditangani dengan rapi. Lantaran itu, Pelan Strategik Eliminasi Malaria Kebangsaan 2011-2020 yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011 lagi telah menetapkan sasaran bagi seluruh negara untuk bebas dari kes malaria jangkitan tempatan mulai tahun 2017. Harapan Kementerian Kesihatan adalah agar sasaran ini dapat dicapai dan seterusnya melayakkan Malaysia untuk mendapat pensijilan pihak WHO sebagai negara yang diiktiraf bebas malaria pada tahun 2020.
16. Sebagai sebahagian daripada strategi Pemantapan Kesihatan Bandar, perkhidmatan Klinik 1Malaysia (K1M) akan terus



diperkukuhkan dengan memastikan agar penduduk miskin bandar tidak dipinggirkan. Perkhidmatan ini akan diperluaskan dengan menempatkan Pegawai Perubatan di Klinik-Klinik 1Malaysia yang baru dibina dan klinik-klinik yang mempunyai kadar kehadiran pesakit yang tinggi. Bagi menangani isu penyakit diabetes dan hipertensi yang semakin meningkat, perkhidmatan rawatan susulan penyakit tersebut akan diperluaskan ke K1M di seluruh negara secara berperingkat.

17. Selain itu, bagi mengurangkan masa menunggu di fasiliti kesihatan primer, Sistem Panggilan Kecemasan melalui panggilan telefon atau sistem pesanan ringkas (SMS) telah diperkenalkan. Di samping itu juga, Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) telah dilaksanakan di 10 buah hospital dan fungsinya akan dimantapkan serta dilengkapkan bagi membangunkan *Health Information System@KMM* (HIS@KMM). Sistem ini akan dilaksanakan secara rintis di Hospital Raja Perempuan Bainun (HRPB), Ipoh pada tahun 2019.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Bagi mengukuhkan kawalan penyakit pergigian, strategi pengesanan awal penyakit pergigian akan dipertingkatkan, selaras dengan sasaran utama **Pelan Kesihatan Pergigian Kebangsaan (*National Oral Health Plan – NOHP*) 2011-2020**.

Pelaksanaan *pilot project* Modified **MOH International Caries Detection and Classification System (Modified MOH ICDAS)** akan diperkukuhkan di sekolah-sekolah rendah yang terpilih di seluruh negara.

19. Dalam usaha untuk memantapkan pengurusan operasi dan perkhidmatan kesihatan pergigian melalui inisiatif **New Dental Officer Program (NDOP)** seramai **21 orang Pegawai Pergigian lantikan baru** telah mendapat bimbingan dalam memberikan perkhidmatan yang selamat dan berkualiti di negeri Melaka. Oleh yang demikian, melalui inisiatif NDOP ini, diharapkan dapat memberi pendedahan terhadap prosedur asa dalam aspek bedah mulut, pergigian paediatrik dan penjagaan pergigian primer.
  
20. Selain daripada itu, bagi memastikan perkhidmatan pergigian diberikan kepada semua penduduk di negeri Melaka serta memudahkan pesakit mendapat rawatan pergigian, maka pelaksanaan **Program Ziarah Senyum** sebagai salah satu aktiviti kemasyarakatan akan dijalankan kembara secara konvoi di kawasan-kawasan yang terpilih bermula pada bulan Mac 2017.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

21. Negara kini sedang menghadapi cabaran '*double-burden*' of *malnutrition (over and under nutrition)* di mana kadar prevalens

obesiti dan Penyakit Tidak Berjangkit berkaitan pemakanan semakin meningkat di kalangan setiap lapisan umur. Selain itu, peningkatan masalah kekurangan pemakanan terutamanya masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak juga semakin membimbangkan di mana berdasarkan Kajian NHMS 2015, sebanyak 17.7% kanak-kanak di bawah umur 5 tahun adalah terbantut. Sekiranya masalah ini dicegah melalui amalan pemakanan yang baik sejak kecil lagi, ianya akan memberi kesan terhadap tumbesaran kanak-kanak, sekaligus meningkatkan risiko obesiti.

22. Lantaran itu, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (*National Plan of Action for Nutrition*) NPANM III, 2016-2025 yang dilancarkan pada 29 November 2016 telah dirangka selari dengan hala tuju agenda pemakanan di peringkat antarabangsa dengan mengambil kira status pemakanan semasa dalam negara. Satu strategi baru NPANM III iaitu “Memastikan Jaminan Kebolehdapatan Makanan dan Pemakanan” adalah bagi memperkukuhkan sistem kanan yang mampan serta mempromosikan pemakanan sihat di pelbagai peringkat.
23. Selain daripada itu, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah merancang beberapa aktiviti penting sepanjang tahun 2017 ini iaitu:

- i. KPI peratus produk makanan yang dipantau dari segi keselamatan makanan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985;
- ii. Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Kebangsaan;
- iii. Sistem atas talian *Food Handler Training Information System* (FoHTIS) telah mula diperkenalkan pada 1 Januari 2017 bagi membantu pelaksanaan Program Latihan Pengendali Makanan;
- iv. Bengkel Pemantapan Pensampelan dan Interpretasi Keputusan Analisa Sampel akan diadakan untuk semua anggota;
- v. Operasi Bersepadu Mesin Jual Air telah dimasukkan dalam takwim operasi yang diselaraskan oleh Unit Inspektorat dan Perundangan bagi memperkukuhkan aktiviti penguatkuasaan mesin jual air di negeri Melaka;
- vi. Skim Pensijilan Katering Makanan dan Skim Pensijilan *Ceramic Table Ware* akan dibangunkan;
- vii. Fokus pengiktirafan Premis Bersih Selamat dan Sihat (BeSS) kepada pengusaha usahawan food truck;
- viii. Operasi Premis Makanan Bersih 2017 dan Operasi Ramadan akan diteruskan;
- ix. Mewujudkan Garis panduan penguatkuasaan ke atas keperluan pelaksanaan Program Jaminan Keselamatan Makanan; dan

- x. Sistem permohonan lesen secara atas talian atau *online* telah ditambahbaik bagi permohonan lesen mengendalikan mesin jual air, permohonan lesen punca air minuman berbungkus dan air minarel semulajadi (WALIS).

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

24. Sebagai salah satu inisiatif untuk memartabatkan bidang Perubatan Tradisional & Komplementari (PT&K) di Malaysia, Kementerian telah memulakan usaha untuk membangunkan satu '*Blueprint PT&K*' Kebangsaan bagi tempoh 10 tahun, dari tahun 2018 hingga tahun 2028. Perancangan Pembangunan *Blueprint* ini juga sejajar dengan RMKe-11 bagi Mentransformasi Sektor Perkhidmatan (Penjagaan Kesihatan Swasta) serta usaha Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menggalakkan negara ahlinya untuk mencapai *strategic objectives* dalam *WHO Traditional Medicine Strategy 2014-2023*.

25. Perluasan Perkhidmatan Tambah Nilai seperti perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP1M), Farmasi Pandu Lalu, Kad Temujanji serta Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB) telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang awam. Pada tahun 2016, sebanyak 13,590 penggunaan melalui perkhidmatan tambah nilai iaitu peningkatan sebanyak 15% daripada tahun 2015 dengan jumlah pengguna sebanyak 100,468 penggunaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

26. Kementerian akan terus mengambil langkah dalam mengoptimumkan sumber manusia dalam pengurusan kesihatan selaras dengan Dasar Pengejatan Saiz Perkhidmatan Awam. Langkah strategik yang dilaksanakan adalah menerusi penjajaran semula perjawatan, penstrukturan semula dan perubahan dasar baru perlantikan bagi skim Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi.

27. Selain daripada iu, Kerajaan juga bersetuju untuk mewujudkan lapisan baru Gred U56 dan UG56 bagi Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Pergigian Pakar di Kementerian Kesihatan. Langkah ini adalah selaras dengan usaha murni Kerajaan untuk memberikan insentif kepada pakar perubatan/pergigian supaya terus berkhidmat dengan Kementerian di samping menyediakan perkhidmatan kepakaran yang berkualiti kepada rakyat. Inisiatif ini dilihat sebagai salah satu langkah penambahbaikan laluan kerjaya Pegawai Perubatan/Pergigian Pakar.

28. Sebagai motivasi dan galakkan bagi warga Kementerian untuk bertugas di pedalaman, bilangan fasiliti yang layak mendapat kadar Elaun Kesusahan Mengikut Lokasi Tahap Kesusahan (EKMLTK) sebanyak RM1,500.00 sebulan meningkat kepada 81 fasiliti berbanding dengan hanya 40 fasiliti sebelumnya. Ini adalah hasil

penilaian semula lokaliti yang berkeelayakan dan pembayaran insentif ini telah berkuatkuasa mulai 1 Disember 2016. Selain daripada itu, bagi memberi galakkan kepada pakar untuk terus berkhidmat di Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah meluluskan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/Pergigian (BIPP) yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

29. Saya ingin menyeru kepada semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka agar bersama-sama berganding bahu dan berjuang demi kesejahteraan dan pembangunan negara ini. Berikanlah perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan tunjukkanlah kepekaan kita terhadap keperluan dan ekspektasi rakyat.

30. Sesungguhnya, sistem perkhidmatan kesihatan yang inovatif dan mampan adalah sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Oleh itu, teruskanlah kecemerlangan budaya kerja tahun ini dengan berpaksikan kepada 3 nilai teras Budaya Korporat KKM iaitu Penyayang, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan.

31. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:

Mari Dipetik Sibuah Sukun

Pisau Digalah Kuat Diikat  
Jika Bekerja Ikhlas dan Tekun  
Hasil Dapatan Sentiasa Berkat

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah  
Hiwabarakatuh.